

02 OCT 1998

Mahathir-Guling

ANWAR BERNIAT GULINGKAN DR MAHATHIR

JITRA, 2 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata tiada konspirasi di sebalik pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim dari kerajaan dan Umno, sebaliknya bekas timbalannya itu yang mempunyai niat untuk menjatuhkan beliau.

Perdana Menteri berkata semasa Anwar bersama-sama beliau dalam parti dan kerajaan, beliau tidak percaya kepada cerita orang tentang rancangan itu tetapi sekarang ternyata Anwar telah lama menyusun langkah ke arah itu.

"Semasa beliau begitu baik dengan saya, Anwar sebenarnya sedang merancang untuk menggulingkan saya. Pada mulanya ada orang bercerita tetapi saya tidak percaya tetapi sekarang saya tahu perkara itu memang benar," katanya kepada pemberita selepas majlis bersama rakyat di Dewan Jitra, di sini.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata Anwar telah mengatur supaya penyokong-penyokongnya bertanding dan menguasai bahagian-bahagian supaya beliau dapat mencapai kemenangan dalam pemilihan pada Perhimpunan Agung Umno tahun depan.

Katanya satu lagi cara Anwar ialah dengan menyimpan bahan di luar negara untuk memburuk-burukkan pemimpin lain dan apabila beliau bertanding dalam pemilihan Umno beliau akan mengeluarkan bahan itu.

Dr Mahathir berkata perkara itu nampak dengan jelas bahawa ia telah dirancang oleh Anwar.

"Inilah konspirasi yang sebenar," katanya.

Diminta mengulas kenyataan Anwar semasa Perdana Menteri merasmikan bangunan Umno Pulau Pinang Ogos lepas bahawa beliau tidak akan menentang Dr Mahathir yang dianggapnya sebagai guru dan bapa, Dr Mahathir berkata kenyataan Anwar pada majlis itu tidak menunjukkan apa yang sebenar.

"Saya ingat beliau akan menyatakan tidak akan bertanding jawatan Presiden Umno dan sebarang pencalonan untuk beliau bertanding jawatan itu akan ditolaknyanya.

"Tetapi beliau (Anwar) membuat pengistiharan bahawa (hanya) Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang tidak akan mencalonkan beliau untuk jawatan itu. Namun bagaimanapun lain (tentu) masih boleh membuat pencalonan," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau diberitahu perkara sebenarnya bahawa Perhubungan Pulau Pinang tidak pernah membuat keputusan seperti itu.

"Anwar berbohong. Perhubungan tidak buat keputusan itu kerana Abdullah Ahmad Badawi (Naib Presiden) dan orang lain dalam perhubungan tahu," katanya.

Ditanya adakah beliau dapat mengesan unsur untuk menjatuhkan beliau dalam perhimpunan Umno tahun ini, Dr Mahathir berkata bahawa beliau ada mendengar berita mengenai perkara itu tetapi tidak mengambil berat.

"Ada terdengar khabar bahawa ucapan saya akan disambut dengan sorakan 'boo', tetapi sehingga ke penghujung para perwakilan menyambut baik dan nampak rancangan mereka seolah tidak berjaya," katanya.

Ditanya adakah beliau berjaya mematahkan cubaan itu, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu sama ada berjaya mematahkan cubaan itu tetapi penjelasan diterima perwakilan."

Ditanya pula adakah beliau merasa menyesal membawa masuk Anwar ke dalam parti dan kerajaan, Perdana Menteri berkata beliau tidak menyesal tetapi yang dikesalnya ialah perilaku Anwar.

"Saya kesal kerana menerimanya sebagai seorang kuat pegangan (agama) dan mempergunakannya sebagai topeng untuk menjadi popular kepada orang Islam

dan diterima orang Umno," katanya.

Mengenai kenyataan beberapa pihak bahawa badan bebas perlu ditubuhkan untuk menyiasat dakwaan Anwar beliau dipukul semasa dalam tahanan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri, Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri berkata polis boleh menjadi badan bebas dan profesional.

"Badan bebas belum tentu akan bebas kerana mereka mungkin akan mengambil sikap berpihak kepada Anwar," katanya.

Dr Mahathir juga berkata Barat menuduh kerajaan Malaysia sebagai diktator berikutan perkembangan yang berlaku ini.

Beliau berkata memang benar Anwar disayangi oleh Barat kerana dia (Anwar) pro-Barat dan menurut segala kehendak Barat termasuk dalam menekan ekonomi negara ini.

"Kita tidak rela dijajah oleh Barat walaupun Anwar rela serah pada mereka.

"Walaupun pada negara Barat, perkara ini (kegiatan seks luar tabii) perkara biasa tetapi kita anggap ia jijik, kotor dan berdosa," katanya.

Perdana Menteri berkata Anwar menyemarakkan semangat penyokongnya supaya mengadakan rusuhan supaya perbicaraan kes-kesnya terganggu disebabkan mahkamah tidak boleh bersidang semasa rusuhan dijalankan di luar mahkamah.

-- BERNAMA

MZM JM AKD